

**PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN DI  
MALAYSIA: KAJIAN KES INSTITUT  
TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA (ITBM),  
1993–2018**

**NOR IDATUL AKMAR BINTI ZULKIPLI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2024**

**PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN DI  
MALAYSIA: KAJIAN KES INSTITUT  
TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA (ITBM),  
1993–2018**

**oleh**

**NOR IDATUL AKMAR BINTI ZULKIPLI**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mei 2024**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Saya mengambil kesempatan di sini untuk memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izin-Nya, memberikan petunjuk, ilham serta kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia yang saya sanjungi, Prof. Madya Haslina Haroon yang menjadi guru, penasihat dan inspirasi kepada saya; yang saban masa memberikan tunjuk ajar dan nasihat; yang tidak lokek berkongsi segala ilmu dan sentiasa meniupkan kata-kata semangat; juga tanpa jemu membaca dan menyemak tesis ini. Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Sains Malaysia atas pemberian geran untuk saya menyiapkan tesis ini. Besar sungguh maknanya geran ini pada saya.

Sekalung penghargaan buat warga kerja ITBM, Encik Mohd. Khair Ngadiron, mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Siti Rafiah Sulaiman, Ketua Jabatan Terjemahan dan Puan Jurina Pieei, Ketua Bahagian Terjemahan Buku dan Cik Norhasyah Ayub atas segala bantuan dan penerangan yang diberikan. Akhir sekali, buat suami tercinta, Muhammad Hairy Muhammad Nasir yang banyak berkongsikan pengalaman dan pengetahuan menterjemahkan buku; yang menjadi tulang belakang, sumber kekuatan dan pendorong saya untuk menamatkan perjuangan ini. Juga buat bonda Hamidah Abd Majid dan keluarga yang dikasihi. Tanpa doa dan restu kalian pasti saya tidak berada di tahap ini. Buat anak-anak kesayanganku, Miriam Isabel dan Maya Antasha, perjuangan ini untuk kamu, semoga kalian terus membesar menjadi insan cemerlang yang sentiasa cinta akan ilmu.

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xvii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xviii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xx</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan .....	1
1.2    Latar belakang kajian .....	1
1.3    Pernyataan masalah .....	2
1.4    Objektif kajian.....	6
1.5    Persoalan kajian.....	7
1.6    Kerangka kajian.....	7
1.7    Batasan kajian .....	9
1.8    Kepentingan kajian.....	10
1.9    Definisi konsep.....	11
1.9.1    Belokan budaya .....	12
1.9.2    Sejarah terjemahan .....	12
1.9.3    Arkeologi terjemahan .....	13
1.9.4    Institusi terjemahan.....	14
1.9.5    Naungan.....	14
1.9.6    Penaung .....	15
1.9.7    Penerbit.....	15

1.10	Organisasi kajian .....	16
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA KAJIAN .....</b>	<b>18</b>
2.1	Pendahuluan .....	18
2.2	Analisis sorotan kajian .....	18
2.3	Kemunculan aliran belokan budaya dalam Pengajian Penterjemahan .....	19
2.4	Sejarah terjemahan: takrifan dan kajian lepas .....	23
2.5	Institusi terjemahan dalam Pengajian Penterjemahan .....	34
2.6	Institusi dan aktiviti naungan dalam penterjemahan: faktor pendorong .....	40
2.6.1	Faktor politik .....	44
2.6.2	Faktor ekonomi .....	47
2.6.3	Faktor ideologi.....	51
2.7	Institusi dan aktiviti naungan dalam penterjemahan di Malaysia .....	58
2.8	Sejarah penubuhan institusi terjemahan rasmi di Malaysia .....	71
2.9	Latar belakang penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) .....	76
2.9.1	ITBM di bawah seliaan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).....	79
2.9.2	Falsafah penubuhan ITNMB .....	80
2.9.3	Misi dan visi ITNMB .....	81
2.9.4	Penjenamaan semula Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) kepada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).....	82
2.9.5	Carta organisasi ITBM .....	83
2.9.6	Jabatan Terjemahan & Latihan.....	85
2.10	Kerangka arkeologi terjemahan .....	89
2.10.1	Skema persoalan D'hulst (2010) dalam arkeologi terjemahan.....	90
2.11	Kerangka naungan.....	94
2.11.1	Komponen ideologi .....	94
2.11.2	Komponen ekonomi .....	97

2.11.3	Komponen status .....	97
2.12	Rumusan.....	100
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>102</b>
3.1	Pendahuluan .....	102
3.2	Reka bentuk kajian .....	102
3.3	Justifikasi pemilihan kajian kes.....	102
3.4	Prosedur pengumpulan data .....	103
3.4.1	Temu bual.....	103
3.4.2	Analisis dokumen .....	111
3.5	Peranan pengkaji .....	113
3.6	Prosedur analisis data .....	113
3.6.1	Menyusun data ( <i>compile database</i> ).....	114
3.6.2	Membongkar data ( <i>disassemble data</i> ).....	114
3.6.3	Mengumpul semula ( <i>reassemble data</i> ).....	116
3.6.4	Mentafsir data ( <i>interpret data</i> ) .....	120
3.6.5	Membuat kesimpulan ( <i>conclude</i> ) .....	121
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian.....	121
3.7.1	Kebolehpercayaan .....	121
3.7.2	Prosedur pengesahan kajian.....	122
3.8	Rumusan.....	125
<b>BAB 4</b>	<b>PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN OLEH INSTITUT TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA DARI 1993–2018 .....</b>	<b>126</b>
4.1	Pendahuluan .....	126
4.2	Penerbitan terjemahan oleh ITBM dari 1993–2018.....	126
4.3	<i>Quis</i> – Siapakah pihak yang memulakan dan melakukan terjemahan?.....	127
4.4	<i>Quando</i> – Bilakah terjemahan dilakukan? .....	127
4.5	<i>Quid</i> – Apakah yang diterjemahkan? .....	127
4.5.1	Penerbitan terjemahan ITBM secara keseluruhan .....	128

4.5.2	Penerbitan terjemahan karya sastera.....	135
4.5.3	Penerbitan terjemahan karya umum .....	155
4.5.4	Penerbitan terjemahan karya pendidikan.....	166
4.5.5	Penerbitan terjemahan karya Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).....	169
4.5.6	Penerbitan karya terjemahan Malaysiana .....	176
4.6	<i>Ubi</i> – Siapakah pihak lain yang terlibat dalam menghasilkan terjemahan? .....	180
4.6.1	Penterjemah .....	180
4.6.2	Penerbit bersama.....	187
4.7	<i>Quibus Auxilis</i> – Adakah terjemahan dibiayai mana-mana pihak? .....	196
4.7.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).....	197
4.7.2	Norwegian Literature Abroad (NORLA) .....	198
4.7.3	The Sharjah International Book Fair Translation Grant .....	199
4.7.4	Belt & Road Book Program.....	200
4.7.5	Spotlight Taiwan Project .....	201
4.8	<i>Cur</i> – Mengapakah terjemahan dilakukan?.....	203
4.8.1	Pematuhan terhadap misi dan objektif penubuhan institusi .....	203
4.8.2	Pematuhan terhadap dasar kerajaan.....	211
4.8.3	Suntikan dana daripada pihak lain.....	218
4.8.4	Mandat politik.....	219
4.9	<i>Quomodo</i> – Bagaimakah terjemahan dilakukan? .....	225
4.9.1	Penerbitan secara kendiri .....	225
4.9.2	Penerbitan secara berkongsi kos.....	226
4.9.3	Penerbitan berbentuk penajaan .....	227
4.10	<i>Cui Bono</i> – Apakah fungsi karya terjemahan kepada khalayak? .....	229
4.10.1	Mekanisme yang memindahkan ilmu pengetahuan.....	229

4.10.2	Barometer mengukur wibawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu .....	230
4.10.3	Instrumen membina khazanah sastera dan kepustakaan negara ....	232
4.11	Rumusan.....	236
<b>BAB 5 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN ITBM DARI TAHUN 1993–2018.....</b>		<b>241</b>
5.1	Pendahuluan .....	241
5.2	Fasa penerbitan karya terjemahan ITBM .....	241
5.2.1	Fasa tidak progresif (tahun 1993–2007) .....	241
5.2.2	Fasa aktif (tahun 2008–2016).....	243
5.2.3	Fasa merosot (tahun 2017–2018) .....	244
5.2.4	Fasa pemulihan (selepas tahun 2018 hingga kini).....	244
5.3	Faktor yang mempengaruhi penerbitan buku ITBM (1993–2018) .....	246
5.3.1	Faktor politik .....	247
5.3.2	Faktor ekonomi.....	255
5.3.3	Faktor organisasi.....	261
5.4	Rumusan.....	282
<b>BAB 6 INSTITUT TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA SEBAGAI PENAUNG DAN PENERBIT KARYA TERJEMAHAN.....</b>		<b>286</b>
6.1	Pendahuluan .....	286
6.2	Elemen naungan dalam penerbitan karya terjemahan ITBM .....	286
6.2.1	Komponen ideologi .....	288
6.2.2	Komponen ekonomi .....	310
6.2.3	Komponen status .....	311
6.3	Tugas ITBM sebagai penaung dan penerbit karya terjemahan .....	318
6.3.1	Memilih dan menilai karya untuk pengantarabangsaan .....	319
6.3.2	Memilih penerbit bersama, penterjemah dan penyunting .....	321
6.3.3	Mengawal kualiti terjemahan dan reka bentuk penerbitan .....	323

6.3.4	Memasarkan dan mengedarkan naskhah di pasaran luar negara....	328
6.4	Rumusan.....	331
<b>BAB 7</b>	<b>PENUTUP .....</b>	<b>332</b>
7.1	Pendahuluan .....	332
7.2	Rumusan dapatan kajian.....	332
7.3	Kepentingan dan implikasi kajian .....	335
7.4	Cadangan kajian akan datang .....	336
<b>RUJUKAN</b>	<b>.....</b>	<b>338</b>

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Bahasa kerja disediakan ITBM bagi khidmat kejurubahasaan .....	87
Jadual 3.1 Profil responden temu bual kajian .....	107
Jadual 3.2 Cerakinan fragmen dalam data kajian.....	116
Jadual 3.3 Cetak ulang <i>Siri Penerokaan Sains ITNM</i> .....	119
Jadual 4.1 Bilangan terjemahan karya Melayu dalam bahasa asing .....	132
Jadual 4.2 Bilangan terjemahan karya asing dalam bahasa Melayu .....	133
Jadual 4.3 Penerbitan karya terjemahan bersumberkan atau bersasarkan bahasa lain.....	134
Jadual 4.4 Penerbitan sulung ITBM, <i>Siri Sastera Klasik: Koleksi Raflesia</i> .....	135
Jadual 4.5 Bilangan terjemahan karya sastera mengikut subkategori .....	139
Jadual 4.6 Ringkasan bilangan terjemahan karya sastera mengikut bahasa.....	141
Jadual 4.7 Bilangan terjemahan karya sastera Melayu dalam bahasa asing secara keseluruhan .....	142
Jadual 4.8 Bilangan terjemahan karya sastera bahasa Melayu dalam bahasa asing .....	143
Jadual 4.9 Bilangan terjemahan karya sastera bahasa asing dalam bahasa Melayu.....	144
Jadual 4.10 Bilangan terjemahan karya sastera dewasa dan sastera kanak-kanak daripada bahasa asing dalam bahasa Melayu .....	145
Jadual 4.11 Penerbitan terjemahan sastera kanak-kanak antara ITBM dengan ZJCPH .....	150
Jadual 4.12 Bilangan terjemahan karya sastera bersumberkan atau bersasarkan bahasa lain .....	151
Jadual 4.13 Bilangan terjemahan karya sastera dewasa dan kanak-kanak bersumberkan atau bersasarkan bahasa lain.....	151

Jadual 4.14	Rumusan penerbitan terjemahan karya sastera mengikut subkategori dan bahasa .....	153
Jadual 4.15	Bilangan terjemahan karya umum mengikut subkategori.....	158
Jadual 4.16	Ringkasan penerbitan karya terjemahan umum mengikut bahasa ...	158
Jadual 4.17	Bilangan terjemahan karya umum Melayu dalam bahasa asing .....159	
Jadual 4.18	Bilangan terjemahan karya umum daripada bahasa Melayu dalam bahasa asing mengikut subkategori.....160	
Jadual 4.19	Bilangan terjemahan karya umum daripada bahasa asing dalam bahasa Melayu.....160	
Jadual 4.20	Bilangan terjemahan terjemahan karya umum daripada bahasa asing dalam bahasa Melayu mengikut subkategori.....161	
Jadual 4.21	Bilangan terjemahan karya umum bersumberkan atau bersasarkan bahasa lain.....163	
Jadual 4.22	Rumusan penerbitan terjemahan karya umum mengikut subkategori dan bahasa .....	164
Jadual 4.23	Bilangan terjemahan karya pendidikan dalam pelbagai bahasa.....168	
Jadual 4.24	Bilangan terjemahan karya STEM mengikut subkategori .....	173
Jadual 4.25	Bilangan terjemahan karya STEM dalam pelbagai bahasa.....173	
Jadual 4.26	Bilangan terjemahan karya STEM mengikut subkategori dan bahasa.....175	
Jadual 4.27	Ringkasan penerbitan terjemahan karya Malaysiana mengikut bahasa.....177	
Jadual 4.28	Bilangan terjemahan karya Malaysiana bahasa Melayu dalam bahasa asing .....	178
Jadual 4.29	Bilangan terjemahan karya Malaysiana bersumberkan atau bersasarkan bahasa lain .....	179
Jadual 4.30	Penterjemah daripada bahasa Melayu kepada bahasa asing .....	181
Jadual 4.31	Penterjemah daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu .....	181

Jadual 4.32	Penterjemah lain.....	183
Jadual 4.33	Penterjemah penutur natif (L1) dan penterjemah penutur bukan natif (L2) .....	183
Jadual 4.34	Bilangan rakan kongsi penerbit ITBM.....	187
Jadual 4.35	Kerjasama penerbitan ITBM dengan penerbit lain .....	188
Jadual 4.36	Senarai penerbitan karya terjemahan ITBM dan penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dari tahun 1993–2018.....	190
Jadual 4.37	Penerbitan terjemahan antara ITBM dengan ZJCPH, <i>Siri Ilustrasi Permata Hatiku</i> .....	193
Jadual 4.38	Senarai judul karya asli ITBM yang diterjemah oleh ZJCPH .....	194
Jadual 4.39	Penerbitan <i>Apple of My Eyes Illustrated Series</i> antara ITBM dengan ZJCPH di bawah <i>Belt and Road Program</i> .....	195
Jadual 4.40	Pembentukan penerbitan karya terjemahan yang diterima ITBM.....	196
Jadual 4.41	Penerbitan terjemahan menerusi The Sharjah International Book Fair Translation Grant .....	200
Jadual 4.42	Penerbitan terjemahan menerusi pembentukan B&R Book Program .....	201
Jadual 4.43	Program Kurikulum dan Kokurikulum, Dasar Pendidikan Kebangsaan .....	212
Jadual 4.44	Penerbitan terjemahan antara ITBM dengan TECO di bawah <i>Spotlight Taiwan Project 2017</i> .....	227
Jadual 6.1	Bilangan penterjemah penutur natif (L1) dan bukan natif (L2).....	290
Jadual 6.2	Penterjemah penutur natif sastera Melayu dalam bahasa asing .....	291
Jadual 6.3	Penyertaan ITBM dalam pesta buku antarabangsa, 2008-2018.....	305
Jadual 6.4	Penerbitan <i>Budak Kampung</i> dalam pelbagai bahasa oleh ITBM....	319

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Penubuhan tiga institusi terjemahan pada zaman Edo .....45
Rajah 2.2	Carta organisasi ITBM pada tahun 2018 .....84
Rajah 2.3	Bahagian di Jabatan Terjemahan dan Latihan ITBM .....85
Rajah 2.4	Perkaitan skema persoalan oleh Pym (1998) dan D’hulst (2010).....90
Rajah 2.5	Komponen naungan oleh Lefevere (1992).....94
Rajah 3.1	Lima proses utama analisis data kualitatif oleh Yin (2017).....113
Rajah 3.2	Pengkategorian penerbitan karya terjemahan ITBM dalam kajian .....115
Rajah 3.3	Paparan data yang disusun mengikut kategori dalam kajian .....115
Rajah 3.4	Ringkasan kaedah kajian.....124
Rajah 4.1	Trend penerbitan karya terjemahan ITBM dari tahun 1993–2018 .....130
Rajah 4.2	Trend penerbitan karya terjemahan mengikut lima kategori utama.....131
Rajah 4.3	Penerbitan sulung ITBM, <i>Siri Sastera Klasik: Koleksi Raflesia</i> yang diterbitkan pada tahun 1995 .....136
Rajah 4.4	Trend penerbitan terjemahan karya sastera mengikut tahun.....138
Rajah 4.5	Trend penerbitan terjemahan karya sastera dewasa .....139
Rajah 4.6	Trend penerbitan terjemahan karya sastera kanak-kanak .....140
Rajah 4.7	Keratan akhbar temu bual dengan Profesor Dr. Sayyid Mohamed Ajmal Abdul Razak Al-Aidrus tentang penterjemahan <i>Mathnawi Jalaludin Rumi Jilid 1-6</i> .....147
Rajah 4.8	Trend penerbitan terjemahan karya umum mengikut tahun .....157
Rajah 4.9	Trend penerbitan terjemahan karya pendidikan mengikut tahun....167

Rajah 4.10	Trend penerbitan terjemahan karya STEM mengikut tahun .....	170
Rajah 4.11	Keratan akhbar tentang penterjemahan buku Sains dan Matematik .....	171
Rajah 4.12	Pemenang kategori sekolah rendah dan sekolah menengah bagi Pertandingan Kreatif, Sains dan Matematik anjuran ITBM-KPM pada tahun 2011 .....	172
Rajah 4.13	Trend penerbitan terjemahan karya Malaysiana mengikut tahun ....	176
Rajah 4.14	Laporan pelibatan Ani Izzuani Mohd Kassim dalam program SL1M .....	182
Rajah 4.15	Keratan akhbar tentang insentif RM1 juta bagi memperkasa bidang terjemahan .....	198
Rajah 4.16	Keratan akhbar tentang peruntukan tambahan oleh kerajaan yang disalurkan kepada ITBM bagi penerbitan karya asli .....	220
Rajah 4.17	Buku Dato' Sri Najib yang diterjemahkan dalam tiga bahasa oleh ITBM.....	221
Rajah 4.18	Pembentangan berskala besar kepada ITBM hingga tahun 2018 .....	239
Rajah 5.1	Faktor persekitaran yang mempengaruhi penerbitan karya terjemahan ITBM dari tahun 1993–2018 .....	247
Rajah 6.1	Konsep naungan ITBM dalam penerbitan karya terjemahan.....	287
Rajah 6.2	Tatacara pemilihan judul oleh Bahagian Perundangan, Hak Cipta dan Hal Ehwal Antarabangsa ITBM .....	293
Rajah 6.3	Prapenerbitan karya terjemahan .....	298
Rajah 6.4	Prosedur lengkap penerbitan buku terjemahan .....	298
Rajah 6.5	Penggunaan bahasa dan keutamaan mengikut gaya dalaman ITBM.....	300
Rajah 6.6	Catatan penterjemah dalam <i>Perdamaian Palestin bukan Apartheid</i> .....	302
Rajah 6.7	Buku Dato Lat yang diterjemahkan dalam bahasa Jepun .....	322

Rajah 6.8	Ulasan latar belakang novel pada halaman belakang naskhah terjemahan .....	324
Rajah 6.9	Ulasan asal asul Lat pada halaman belakang naskhah terjemahan .....	325
Rajah 6.10	Muka depan カンポンボイ/ <i>kanponboi</i> (TS: <i>Budak Kampung</i> ) dalam versi <i>tankōbon</i> oleh ITBM .....	327
Rajah 6.11	Penjualan digital カンポンボイ( <i>Kanponboi</i> ) dalam laman sesawang Kinokuniya Jepun .....	329

## **SENARAI SINGKATAN**

BTB	Bahagian Terjemahan Buku
CEFR	Common European Framework of Reference for Languages
DBN	Dasar Buku Negara
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DTN	Dasar Transformasi Negara
GLC	Government-linked Company
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
ITNM	Institut Terjemahan Negara Malaysia
JMA	Japan Malaysian Association
j-QAF	Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain
KITA	Institut Kajian Etnik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LMS	London Missionary Society
MABOPA	Malaysian Book Publisher Association
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris
MJPJBT	Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Judul Buku Terjemahan
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
PKM	Pejabat Karang Mengarang
PPM	Persatuan Penterjemah Malaysia
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
TECO	Taipei Economic Culture and Office
TS	Teks sumber

TT	Teks terjemahan
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UOP	Oxford University Press
UP&D	Utusan Publication & Distribution
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
ZJCPH	Zhejiang Juvenile and Children's Publishing House Co. Ltd

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di ITBM
Lampiran B	Borang Keizinan Peserta
Lampiran C	Soalan Temu Bual kepada Responden Wakil Industri
Lampiran D	Soalan Temu Bual kepada Responden ITBM
Lampiran E	Soalan Temu Bual kepada Responden (Penterjemah)
Lampiran F	Soalan Temu Bual kepada Responden (Pereka bentuk)
Lampiran G	Transkripsi Temu Bual Responden 1–5
Lampiran H	Senarai Penerbitan Karya Terjemahan ITBM Mengikut Kategori
Lampiran I	Senarai Cetakan Semula Karya dengan Izin
Lampiran J	Senarai Penterjemah ITBM dari tahun 1993–2018
Lampiran K	Senarai Penterjemah Pelatih, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Bahagian Terjemahan Buku (BTB) ITBM dari tahun 2012–2018
Lampiran L	Senarai Buku yang Diterjemahkan oleh Penterjemah Aktif ITBM
Lampiran M	Senarai Kerjasama Penerbitan Buku antara ITBM dengan Penerbit Tempatan dari tahun 1993–2018
Lampiran N	Senarai Kerjasama Penerbitan Buku antara ITBM dengan Penerbit Antarabangsa dari tahun 1993–2018
Lampiran O	Surat MABOPA kepada Kementerian Kewangan Malaysia
Lampiran P	Surat Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kepada MABOPA
Lampiran Q	Senarai Penggunaan Bahasa Gramatis Gaya ITBM
Lampiran R	Contoh Sijil dan Transkrip Peperiksaan Kursus Penterjemahan Am ITBM

**PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN DI MALAYSIA: KAJIAN KES  
INSTITUT TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA (ITBM), 1993–2018**

**ABSTRAK**

Sejarah terjemahan ialah kayu ukur yang merekodkan aktiviti terjemahan merangkumi pihak-pihak yang terlibat dalam proses terjemahan, iaitu daripada latar belakang dan gaya penerbit, bahasa serta kaitannya dengan disiplin Pengajian Penterjemahan. Di Malaysia, kajian lampau berkaitan sejarah terjemahan pernah dilakukan oleh beberapa sarjana tempatan menerusi pendokumentasian karya terjemahan terhadap organisasi atau institusi terpilih. Meskipun begitu, kajian secara sistematis yang mendokumentasikan penerbitan karya terjemahan terutamanya yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak walhal institusi ini ialah satu-satunya badan rasmi terjemahan negara. Sebagai badan payung terjemahan di bawah pengawasan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), penubuhan ITBM asasnya adalah bagi memenuhi fungsi dan mandat berikut, iaitu sebagai institusi rasmi terjemahan yang mengendalikan hal ehwal terjemahan di peringkat tempatan dan antarabangsa juga selaku penerbit dalam ekosistem perbukuan yang menerbitkan serta memasarkan karya terjemahan. Dengan mengambil kira hal ini, kajian ini dilakukan bagi mendokumentasikan penerbitan terjemahan ITBM sebagai suatu usaha bagi mengisi kelompongan sejarah terjemahan berikut sekali gus menyumbang kepada kajian kepustakaan sebagai rujukan repositori pada masa akan datang. Kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif dan analisis diuraikan secara deskriptif menerusi kerangka naungan oleh Lefevere (1992) serta arkeologi

terjemahan oleh Pym (1998) dan D'hulst (2010). Secara khusus, kajian ini menyasarkan tiga objektif utama. Pertama adalah untuk mengenal pasti dan mendokumentasikan karya terjemahan ITBM dari tahun 1993 hingga 2018, kedua adalah untuk menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penerbitan karya terjemahan ITBM pada tempoh tersebut dan ketiga adalah untuk membincangkan tugas-tugas ITBM sebagai penaung dan penerbit dalam penerbitan karya terjemahan. Kajian ini memanfaatkan kerangka arkeologi terjemahan oleh Pym (1998) dan D'hulst (2010) serta naungan oleh Lefevere (1992). Dari 1993 hingga 2018, sebanyak 1,363 judul karya terjemahan diterbitkan oleh ITBM dalam 16 bahasa di bawah lima kategori utama, iaitu sastera, umum, pendidikan; Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Malaysiana. Tahun tertinggi penerbitan adalah pada tahun 2015 manakala kategori yang paling banyak diterjemahkan ialah STEM, iaitu sebanyak 460 judul. Penerbitan karya terjemahan didapati dibiayai oleh lima pembiaya utama dengan pelibatan seramai 602 tenaga kerja – 557 orang penterjemah dan 45 buah penerbit. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa trend penerbitan terjemahan ITBM banyak dipengaruhi oleh dasar dan inisiatif pemimpin negara, senario ekonomi domestik serta latar organisasi. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur naungan ITBM adalah menerusi autoritinya dalam memilih teks dan kumpulan penterjemah, menentukan strategi terjemahan dan penerbitan, mengawal kualiti terjemahan dan penerbitan serta menentukan strategi pemasaran dan jualan selain bertanggungjawab terhadap pendapatan dan status penterjemah. Implikasi kajian ini memperlihatkan bahawa faktor persekitaran turut memberikan impak terhadap penerbitan buku dan penaung berperanan dalam menentukan hala tuju penerbitan karya terjemahan di Malaysia.

**THE PUBLICATION OF TRANSLATED WORKS IN MALAYSIA: A CASE  
STUDY OF THE MALAYSIAN INSTITUTE OF TRANSLATION AND  
BOOKS (ITBM), 1993–2018**

**ABSTRACT**

The translation history is a crucial benchmark that helps identify translation activities and the parties involved in the process. In Malaysia, some local scholars have conducted translation history studies, but there has been a lack of systematic research documenting the publication of translated works, especially by the Malaysian Institute of Translation and Books (ITBM). Despite being the only official translation organization in the country, ITBM's publication of translated works has not been thoroughly studied. As an umbrella translation organization under the supervision of the Minister of Finance (Incorporated) (MOF) and the Ministry of Education (MOE), ITBM is expected to handle translation matters locally and internationally, as well as publish and market translated works. This study aims to fill the gap in the history of translation by documenting the publication of ITBM translations and contributing to the bibliography as a future reference work. This study uses qualitative methods and the analysis is described descriptively through the framework of patronage by Lefevere (1992) and translation archaeology by Pym (1998) and D'hulst (2010). This study has three objectives in particular. The first objective is to identify and document the translated works of the ITBM from 1993 to 2018. The second objective is to discuss the factors that may influence the trend of publication. The third objective is to describe the function and role of ITBM as a patron and publisher of translated works. This study applies the archaeological framework of translation developed by Pym (1998) and D'hulst (2010), and the concept of patronage developed by Lefevere

(1992). From 1993 to 2018, ITBM has published a total of 1,363 translated works in 16 different languages in five main categories, namely Literature, General, Education; Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM) and Malaysiana. The most publications were in 2015, and the most translated category is STEM, with a total of 460 titles. The translated works were funded by five patrons with the involvement of 602 workers – 557 translators and 45 publishers. The findings of the study suggest that the element of patronage in ITBM is its authority in the selection of the source text, the selection of the group of translators, the preference of the translation and publication strategy, the control of the quality of translation and publication, and the marketing and sales strategy of the translated works. It is also responsible for the income and status of translators. The implications of this study show that sociocultural factors influence book publishing and that patronage plays a role in determining the direction of the publication of the translated works in Malaysia.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bahagian ini membincangkan beberapa aspek penting kajian merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Seterusnya, pengkaji turut memberikan pentakrifan kepada beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Dalam melakukan kerja-kerja mendokumentasikan karya terjemahan, seseorang pengkaji tidak boleh tidak, perlu menerapkan aspek sejarah terjemahan dalam usaha penyusunannya. Menurut Pym (1998), bagi mengkaji sejarah terjemahan, penterjemah sewajarnya dijadikan objek penting dalam mengkaji pensejarahan. Justeru, sejarah terjemahan dalam disiplin Pengajian Penterjemahan adalah mencakupi sejarah naskah yang diterjemahkan, iaitu daripada keputusan untuk melakukan terjemahan hingga penerimaan naskah tersebut oleh khalayak; sejarah tentang keterlibatan pelbagai pihak – latar belakang dan gaya penerbit; sejarah tentang bahasa sasaran serta kaitannya dalam Pengajian Penterjemahan (Gambier, 2018).

Menyorot sejarah bermulanya aktiviti terjemahan di Malaysia, didapati pada awalnya ia dilaksanakan oleh Biro Terjemahan atau Pejabat Karang Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Menjelang 1956, aktiviti ini seterusnya dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan mandat untuk menyelaras projek penterjemahan dan penerbitan buku teks hingga ke peringkat universiti.

Namun, mulai September 1993, tugas-tugas ini kemudiannya diambil alih oleh sebuah institusi rasmi terjemahan, iaitu Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) selepas penutupan di Bahagian Terjemahan di DBP (Haslina Haroon, 2015; Anis Shahirah Abdul Sukur, 2016).

Sejak itu, ITNMB/ITBM menjadi badan tunggal di Malaysia yang merancang, melaksana, mengurus, dan menyelaras hal ehwal terjemahan dan kejurubahasaan di peringkat kebangsaan dan luar negara (Cho, 2016). Menjelang 30 Mac 2012, nama ITNMB seterusnya secara rasmi bertukar kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM) bagi melaksanakan fungsi menerbitkan buku karya asli. Dengan penjenamaan semula ITNMB kepada ITBM, fungsi dan mandatnya diperluas sebagai badan yang membantu dalam memperkasa serta memperbanyak penerbitan karya asli penulis tempatan bagi tujuan merancakkan industri perbukuan negara.

Sungguhpun mandat institut diperluas, fungsi utama ITBM masih lagi bertumpu pada aktiviti penterjemahan dan penerbitan buku, kejurubahasaan, dan latihan terjemahan. Sepanjang 25 tahun penubuhan, didapati ITBM telah menerbitkan sejumlah 1,363 judul pelbagai genre; sekali gus mensahihkan peranan institusi ini sebagai badan payung dalam ekosistem terjemahan negara.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Menurut Bassnett (1980), disiplin Pengajian Penterjemahan adalah tidak lengkap sekiranya cabang sejarah terjemahan tidak diberikan pertimbangan. Ironinya, kajian tentang sejarah terjemahan masih kurang diselidik berbanding aspek terjemahan lain dalam teori terjemahan moden (D'hulst, 2001). Sebagai akibat, satu lompong yang besar wujud dalam Pengajian Penterjemahan (Santoyo, 2006). Walhal, bagi memahami serta mendalami perkembangan disiplin ilmu ini, sejarah terjemahan

sewajarnya dijadikan kayu ukur bagi merekodkan setiap aktiviti terjemahan pada masa-masa tertentu (Sagar, 2017). Kini, kajian terhadap sejarah terjemahan mula menunjukkan perkembangan positif hanya beberapa tahun kebelakangan (Tryuk, 2022).

Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa sarjana tempatan pernah mengetengahkan isu keciciran ini. Haslina Haroon (2009) misalnya mengemukakan pandangan bahawa kajian terjemahan di Malaysia lebih cenderung menyelidik kaedah dan strategi dalam teks terjemahan. Atas faktor itu, cabang sejarah terjemahan kurang diberikan perhatian dan belum diterokai secara mendalam (Puteri Roslina Wahid, 2012).

Kajian oleh Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar (2016) juga didapati menyokong pandangan Haslina Haroon (2009) bahawa sudah sekian lama para sarjana terjemahan di Malaysia lebih memfokuskan elemen tekstual dan linguistik berbanding melakukan kajian terhadap faktor persekitaran seperti sejarah, agama, budaya, ideologi dan politik yang mempengaruhi penterjemahan. Susulan itu, hingga hari ini masih belum ada satu penyelidikan atau rujukan lengkap yang dapat memerihalkan perkembangan aktiviti terjemahan di Malaysia terutamanya dalam pendokumentasian penerbitan terjemahan dalam pelbagai genre.

Penyelidikan lengkap yang dimaksudkan adalah yang datanya merekodkan segala maklumat terperinci termasuk jenis teks terjemahan, tenaga kerja yang terlibat merangkumi penterjemah, penerbit atau penulis, butiran tentang tarikh penerbitan dan tempat penerbitan, bilangan judul yang diterbitkan, genre dan pasangan bahasa penerbitan, korpus teks terjemahan, ciri-ciri linguistik, hubungan antara penulis dengan penterjemah dan penerbit, dampak terjemahan, fungsi terjemahan kepada masyarakat serta pengaruh persekitaran seperti budaya, sosial, politik, ekonomi dan

sejarah. Yang lebih signifikan adalah masih belum ada kajian tuntas dalam konteks Malaysia yang menyelidik dampak persekitaran tersebut terhadap aktiviti terjemahan di Malaysia terutamanya dalam usaha menerbitkan karya terjemahan.

Sementara itu, kajian lampau yang merekodkan data, catatan, rekod atau inventori tentang penerbitan karya terjemahan di Malaysia pernah dikaji secara tidak langsung oleh kelompok pengkaji yang menyelidik isu-isu bahasa, sastera dan sejarah antaranya Abdullah Sanusi Ahmad (1966), Md Sidin Ahmad Ishak (1992/2011), Hamedi Mohd. Adnan (2002) dan Lim Peng Han (2008). Walaupun terdapat kajian oleh sarjana terjemahan tentang penerbitan karya terjemahan, namun skop kajian tersebut lebih bertumpu pada penghasilan karya terjemahan dalam genre terpilih oleh institusi tertentu.

Sebagai contoh, kajian oleh Haslina Haroon dan Melati Majid (2015) memfokuskan penerbitan karya terjemahan sastera daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari tahun 1958 hingga 2001 manakala Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar (2016) pula menjalankan kajian yang merekodkan bilangan penerbitan karya terjemahan sastera bersumberkan atau bersasarkan bahasa Melayu dari tahun 1958 hingga 2014. Kajian oleh Ding Choo Ming (2019) pula memfokuskan penterjemahan bahasa Cina kepada bahasa Melayu yang diterbitkan di China, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kajian terkini seterusnya ialah kajian oleh Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2021) yang bertumpu pada penerbitan sastera Mahua di Malaysia oleh Dewan Bahasa Pustaka (DBP).

Sebaliknya, kajian yang memfokuskan institusi, penaung atau penerbit terjemahan seperti ITBM pula didapati dilakukan secara tidak langsung kerana kajian tersebut hanya tertumpu pada satu-satu isu dan tidak menyentuh dengan terperinci latar

sejarah, fungsi, peranan institusi atau hubung kait pengoperasiannya dengan faktor persekitaran di Malaysia. Antara kajian lepas yang dilakukan ialah *Vital roles of a commisioner in the translation of an English nonfiction text into Malay* oleh Norhazlina Husin et al. (2015), kajian *The role of translation in education* oleh Sakina Sahuri dan Fauziah Rashid (2015), kajian *Strategi ITBM bagi menyebar luas pelatihan terjemahan dan bahasa dalam sektor awam dan swasta* (Nor Idatul Akmar Zulkipli, 2016) serta kajian berjudul *Penerbitan buku terjemahan kanak-kanak: Pengalaman ITBM* oleh Nor Farhana Zulkeplee, Surianee Mahmud dan Zahari Mahmud (2019).

Secara keseluruhan, meskipun terdapat kajian pernah dilakukan, masih banyak aspek yang perlu dikaji bagi mengumpulkan maklumat terkini tentang sejarah terjemahan negara. Dengan mengambil kira perkara tersebut, pengkaji berpendapat bahawa wujud keperluan untuk melakukan kajian tentang sejarah terjemahan dan naungan bagi menyelidik ITBM sebagai institusi, penaung dan penerbit yang secara rasmi bertanggungjawab menterjemah dan menerbitkan karya terjemahan di Malaysia.

Kajian ini perlu dilaksanakan bersandarkan justifikasi berikut:

- i. pengumpulan maklumat tentang sejarah terjemahan terutamanya penerbitan karya terjemahan dapat menyumbang kepada penyusunan bibliografi induk karya terjemahan yang dihasratkan. Penyusunan ini adalah bagi merekodkan aktiviti terjemahan berkaitan latar belakang karya terjemahan, penterjemah atau institusi dari masa ke masa (Ding Choo Ming, 2019).
- ii. pendokumentasian ini juga dapat memberikan sumbangan kepada aspirasi Dasar Buku Negara (DBN) seperti yang dibentangkan dalam resolusi Persidangan Meja Bulat Dasar Buku Negara pada 25 April 2017 agar ITBM dijadikan sebagai pusat dokumentasi terjemahan untuk rujukan orang ramai selaras dengan statusnya (Budiman Mohd Zohdi, 2017).

- iii. penyusunan bibliografi induk karya terjemahan berupaya membuktikan bahawa aktiviti terjemahan secara realiti tidak dilakukan secara berasingan, sebaliknya dilaksanakan sebagai suatu bentuk tugas yang melibatkan pelbagai pihak (Norhazlina Husin, Rokiah Awang & Haslina Haroon, 2015) merangkumi pemerintah, penaung, institusi terjemahan, ejen terjemahan, pencetak, penerbit, penterjemah dan penyunting.
- iv. keterlibatan pelbagai pihak terutamanya institusi terjemahan, penaung dan penerbit dalam proses terjemahan sewajarnya dipertimbangkan sebagai faktor penting apabila melakukan kajian terjemahan memandangkan pihak terbabit mampu mempengaruhi amalan dan proses terjemahan (Mossop, 1988; Lefevere, 1992). Selain itu, kajian tentang pelibatan pelbagai pihak dalam terjemahan membolehkan para pengkaji menyelidik dan merekodkan maklumat lanjut sejarah yang berkait dengan faktor sosial seperti sebab terjemahan dihasilkan pada tempat dan masa tertentu serta hubungan semula jadi antara penterjemah dengan penaung dan pembaca (Pym, 1998).

#### **1.4 Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik penerbitan terjemahan di Malaysia yang memfokuskan badan rasmi terjemahan tanah air, iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) selaku penaung dan penerbit buku terjemahan. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif berikut:

- i. mengenal pasti dan mendokumentasikan penerbitan karya terjemahan oleh ITBM dari tahun 1993 hingga 2018;
- ii. menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi trend penerbitan terjemahan ITBM;

- iii. membincangkan tugas ITBM sebagai penaung dan penerbit terhadap penerbitan terjemahan.

### **1.5 Persoalan kajian**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, berikut ialah persoalan kajian ini:

1. Apakah karya terjemahan yang diusahakan dan diterbitkan oleh ITBM sepanjang 25 tahun penubuhannya?
2. Sejauh manakah faktor persekitaran mempengaruhi perkembangan penerbitan terjemahan ITBM dari 1993 hingga 2018?
3. Bagaimanakah ITBM memainkan peranannya sebagai badan yang menaungi dan menerbitkan karya terjemahan di Malaysia?

### **1.6 Kerangka kajian**

Kajian ini didasari oleh pendekatan belokan budaya oleh Bassnett dan Lefevere (1990) yang mempertimbangkan faktor persekitaran seperti sejarah, budaya, agama, politik, ideologi dan kuasa dalam aktiviti terjemahan. Menurut pendekatan ini, faktor persekitaran khususnya ideologi mempunyai kuasa dan pengaruh terhadap proses terjemahan menerusi pemilihan teks sumber, pemilihan penterjemah atau strategi terjemahan bahkan mempengaruhi produk akhir terjemahan. Sehubungan dengan itu, aktiviti terjemahan ialah sebahagian fenomena sosiobudaya dan bukan suatu aktiviti yang memindahkan elemen linguistik semata-mata.

Karya terjemahan menurut Lefereve (1992) ialah subsistem dalam sistem kesusastraan yang dikawal oleh dua faktor, iaitu kelompok profesional yang berada di dalam sistem, dan kedua ialah elemen naungan yang berada di luar sistem tersebut.

Ideologi dijadikan manifestasi oleh kelompok profesional yang terdiri daripada penaung – orang yang menghasilkan dan menerbitkan karya terjemahan. Hal yang sama dihujahkan Chesterman (2009: 14), iaitu “*there are indeed translators behind the translations, people behind the texts*”. Dalam hal ini, didapati penaung berkuasa bahkan berpengaruh terhadap proses terjemahan – mereka yang menentukan teks sumber serta memilih penterjemah, penyunting, pencetak atau penerbit bersama yang dikehendaki.

Bagi menyelidik pelibatan individu terhadap terjemahan, maka Pym (1998) mengusulkan satu penyelidikan terhadap cabang sejarah terjemahan yang berorientasikan penterjemah (*translator-focused approached*) lantaran penterjemah ialah objek penting dalam hal ini. Oleh itu, Pym (1998) mengemukakan arkeologi terjemahan sebagai cara atau kaedah yang bertujuan mengumpulkan maklumat terperinci tentang sejarah terjemahan seperti sebab terjemahan dihasilkan pada tempat dan masa tertentu serta hubungan semula jadi antara penterjemah, penaung dengan pembaca. Saranan ini juga dipersetujui O’Sullivan (2012). Menurut beliau, bagi menganalisis jaringan tenaga kerja, jenis teks terjemahan, penerimaan teks dan kesan terjemahan, sorotan terhadap sejarah terjemahan perlu dilakukan.

Secara ringkas, kajian ini memanfaatkan arkeologi terjemahan dan naungan sebagai kerangka bagi mengkaji fenomena sosiobudaya yang mempengaruhi penerbitan karya terjemahan oleh penaung. Menerusi kerangka ini, analisis terhadap proses terjemahan dan pembabitan pihak-pihak lain dalam aktiviti terjemahan dapat dilakukan. Berpandukan skema persoalan yang dirangka D’hulst (2010) dalam arkeologi terjemahan, lapan persoalan tersebut dimanfaatkan dalam kajian, iaitu (i) *quis* – “siapakah yang memulakan dan melakukan terjemahan?”, (ii) *quando* – “bilakah terjemahan dilakukan?”, (iii) *quid* – “apakah yang diterjemahkan?”, (iv) *ubi*

- “siapakah pihak lain yang terlibat dalam menghasilkan terjemahan, (v) *quibus auxilis*
- “adakah terjemahan dibiayai oleh mana-mana pihak”, (vi) *cur* – “mengapakah terjemahan dilakukan?”, (vii) *quomodo* – “bagaimana terjemahan dilakukan” dan (viii) *cui bono* – “apakah fungsi karya terjemahan kepada khalayak”.

Jawaban daripada setiap persoalan ini dikumpul bagi memperoleh maklumat tentang subjek, judul, penulis, penterjemah, bahasa, tahun terbit dan pembabitan pihak lain dalam penerbitan karya terjemahan.

### **1.7 Batasan kajian**

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara bagi membolehkan perbincangan dilakukan dengan tuntas dan berfokus. Pertama, subjek dalam kajian ini terhad kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti dan mendokumentasikan penerbitan terjemahan oleh ITBM. Oleh itu, tugas dan fungsi lain seperti kejurubahasaan, pelatihan, penterjemahan dokumen, pemasaran dan jualan buku adalah tidak terangkum dalam kajian ini.

Kedua, kajian ini memfokuskan penerbitan terjemahan dari 1993 hingga 2018 sahaja. Pemilihan data pula terbatas kepada judul baharu yang diterbitkan oleh Jabatan Terjemahan dan Latihan serta Jabatan Penerbitan ITBM dari tahun 1993 hingga 2018. Oleh itu, penerbitan lain seperti buku berstatus cetak ulang, buku karya asli, buku karya asli berstatus cetak ulang dan cetakan atas permintaan (POD) adalah tidak terangkum dalam kajian ini. Penerbitan khusus untuk pelanggan persendirian juga tidak termasuk dalam kajian ini kerana penerbitan tersebut ialah hak persendirian yang tertakluk kepada kehendak dan keperluan individu berkenaan.

Ketiga, penerbitan terjemahan dikelompokkan kepada lima kategori sahaja – sastera, umum, pendidikan; Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Malaysiana. Pengelompokan kepada lima kategori ini adalah bagi memudahkan pengkaji menganalisis serta merekod data yang besar. Lima kategori ini dicerakinkan kepada subkategori berikut:

- i. sastera – sastera dewasa dan kanak-kanak
- ii. umum – politik dan pentadbiran, agama dan falsafah
- iii. pendidikan – tiada subkategori
- iv. STEM – Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
- v. Malaysiana – tiada subkategori

Kategori ini disesuaikan daripada pengkategorian penerbitan yang digunakan oleh Jabatan Penerbitan ITBM.

## **1.8 Kepentingan kajian**

Kajian lampau tentang sejarah terjemahan dan naungan menunjukkan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi aktiviti terjemahan khususnya terhadap proses dan produk akhir terjemahan. Meskipun begitu, dalam konteks Malaysia, kajian tentang aspek ini kurang diberikan perhatian lantaran kecenderungan para pengkaji tempatan lebih bertumpu pada kajian teks. Justeru, kajian ini adalah bagi menjawab permasalahan yang dikemukakan dalam item 1.3.

Pertama, diharapkan kajian ini dapat merekodkan semua maklumat berkaitan karya terjemahan yang diterbitkan oleh ITBM bagi sepanjang 25 tahun penubuhan. Pengumpulan ini adalah wajar dalam usaha menyusun satu bibliografi induk karya terjemahan di Malaysia. Penyusunan bibliografi yang merekodkan judul, penerbit,

tarikh penerbitan, tempat penerbitan, penulis, penerbit bersama, bahasa dan genre ini adalah sebagai rujukan repositori kepada penyelidik pada masa akan datang.

Kedua, perbincangan tentang dampak persekitaran terhadap trend penerbitan karya terjemahan ITBM dapat mensahihkan naratif bahawa kemajuan penerbitan karya terjemahan di Malaysia adalah bersangkut-paut dalam satu rantai hubungan, iaitu antara penaung; antara golongan pemerintah mahupun kerajaan dengan penterjemah termasuk institusi terjemahan, badan kerajaan atau penerbit swasta dengan pembaca sebagai pengguna.

Sejarah telah pun membuktikan sokongan atau pembabitan golongan penaung mendorong kepada tertubuhnya Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888), Pejabat Karang Mengarang (1924), Dewan Bahasa dan Pustaka (1956), Persatuan Penterjemah Malaysia (1978) dan pada akhirnya sebuah institut terjemahan rasmi negara, iaitu Institut Terjemahan Negara Malaysia (1993) yang kininya Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Ketiga, diharapkan kupasan tentang tugas-tugas ITBM sebagai penaung dan penerbit karya terjemahan seterusnya dapat memperbanyak kepustakaan kajian berkaitan sejarah terjemahan dan naungan dalam disiplin Pengajian Penterjemahan selain dijadikan sebagai satu ikhtibar pada semua pihak tentang prospek dan hala tuju industri buku terjemahan di Malaysia.

## **1.9 Definisi konsep**

Yang berikut ialah takrifan beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.9.1 Belokan budaya**

Munday (2008) menyifatkan belokan budaya sebagai, “*a move from translation as text to translation as culture and politics*” (2008: 192). Istilah ini buat kali pertamanya dikemukakan oleh Mary Snell-Hornby (1990) tetapi kemudiannya diketengahkan oleh Bassnett dan Lefevere (1990) dalam buku mereka, *Translation, History, and Culture*. Jelas Bassnett dan Lefevere (1990), memandangkan aktiviti terjemahan adalah kompleks kerana membabitkan banyak pihak. Justeru, Bassnett (1990) mentakrifkan belokan budaya sebagai:

*Processes of translation combined with the praxis of translating could offer a way of understanding how complex manipulative textual processes take place: how a text is selected for translation, for example, what role the translator plays in that selection, what role an editor, publisher or patron play, what criteria determine the strategies that will be employed by the translator, how a text might be received in the target system.* (hlm. 434).

Belokan budaya seterusnya membawa perspektif baharu dalam perkembangan disiplin Pengajian Penterjemahan kerana fokusnya yang tidak lagi berkisar pada elemen linguistik semata-mata sebaliknya bertumpu pada persekitaran budaya, sejarah dan norma (Zheng, 2017).

### **1.9.2 Sejarah terjemahan**

Takrifan sejarah terjemahan dalam kajian ini adalah bersandarkan pendapat yang dikemukakan oleh Pym (1998), iaitu:

*A set of discourses predicating the changes that have occurred or have actively been prevented in the field of translation. Its field includes actions and agents leading to translations (or non-translations), the effects of translations (or non-translations), theories about translation, and a long etcetera of causally related phenomena* (hlm. 5).

Secara ringkas, sejarah terjemahan merangkumi sebab terjemahan dihasilkan pada tempat dan masa tertentu, serta hubungan semula jadi antara penterjemah dengan penaung dan pembaca. Gambier (2018) pula menyifatkan sejarah terjemahan sebagai sejarah tentang (1) naskhah yang diterjemahkan, iaitu daripada keputusan untuk melakukan terjemahan hingga penerimaan naskhah tersebut kepada khalayak, (2) sejarah tentang penterjemah yang terlibat – profil dan amalan dan (3) sejarah tentang bahasa sasaran serta hubung kaitnya dalam disiplin ilmu Pengajian Penterjemahan.

### **1.9.3 Arkeologi terjemahan**

Arkeologi terjemahan ialah “*anything from the compiling of catalogs to the carrying out of biographical research on translators*” (Pym, 1998: 5). Arkeologi terjemahan dalam kajian ini merujuk kaedah yang memfokuskan penterjemah sebagai subjek kajian. Pada awalnya, kaedah ini diperkenalkan oleh Anthony Pym (1998) lalu kemudian diperincikan dengan lebih sistematik oleh D’ Hulst (2010). Menerusi arkeologi terjemahan, penyelidik perlu mengumpulkan maklumat berikut, iaitu *quis*, *quando*, *quid*, *ubi*, *quibus auxilis*, *cur*, *quomodo* dan *cui bono*. Sebahagian besar kaedah ini ialah tugas menyusun serta mengkatalog karya terjemahan yang melibatkan subjek, penulis, penterjemah, penyunting, penerbit, bahasa, tahun terbit, tempat penerbitan, genre, bilangan judul yang diterbitkan serta pihak lain dalam proses terjemahan.

#### **1.9.4 Institusi terjemahan**

Menurut Koskinen (2008: 17) institusi terjemahan ialah *a form of uniform action governed by role expectations, norms, values and belief systems*. Dalam kajian ini, institusi terjemahan merujuk institusi konkret yang terdiri daripada badan penerbit yang bermatlamat menghasilkan terjemahan untuk memenuhi tujuan tertentu (Mossop, 1988). Oleh itu, institusi terjemahan berautoriti untuk menentukan strategi terjemahan, sama ada terjemahan dilakukan secara terikat atau bebas, bahasa yang digunakan mengikut kebiasaan atau sebaliknya atau gaya bahasanya dikekalkan atau diubah suai. Sementara itu, institusi terjemahan seperti penerbit juga dilihat sebagai entiti ideologi, ekonomi dan politik yang saling berkait dengan kerajaan. Oleh sebab itu, institusi terjemahan dianggap sebagai suatu proses yang kompleks lantaran wujudnya peraturan atau pembabitan pihak-pihak lain dalam proses menterjemah (Koskinen, 2008).

#### **1.9.5 Naungan**

Lefevere mentakrifkan naungan sebagai “*the powers (persons, institutions) which can further or hinder the reading, writing and rewriting of literature*” (Lefevere, 1992: 15). Dengan kata lain, naungan ialah kuasa yang berupaya untuk membenarkan atau menghalang sesuatu penerbitan. Kuasa pula merujuk institusi, organisasi atau individu yang bertindak selaku penaung (*patron*). Tiga komponen utama dalam naungan terdiri daripada ideologi, ekonomi dan status yang setiap satunya adalah bertimbang balik. Secara ringkas, naungan ialah perbuatan individu atau organisasi yang membiayai sesuatu penerbitan atau penghasilan dalam aktiviti terjemahan. Menurut Liping Bai (2017), faktor utama yang mendorong kepada elemen

naungan dalam aktiviti terjemahan berpunca daripada ketaksamarataan sumber antara penaung.

### **1.9.6 Penaung**

Takrifan penaung dalam kajian ini adalah bersandar pada pendapat yang dikemukakan oleh Lefevere (1992), iaitu orang atau institusi yang melakukan atau menerbitkan terjemahan. Penaung boleh terdiri daripada penerbit, institusi, organisasi, parti politik, kumpulan agama, kelas sosial mahupun surat khabar atau media. Tindakan pihak yang melakukan terjemahan ini pada kebanyakan masa dipengaruhi oleh faktor kesusasteraan atau idea politik yang berakar umbi dalam budaya sasarannya. Sebagai akibat, pihak ini mengenakan ideologi atau kuasa yang ada padanya, sebagai contoh dengan memilih kumpulan penterjemah, koleksi teks sumber dan strategi terjemahan yang dikehendakinya. Malah, penaung juga berkuasa menentukan cara terjemahan dihasilkan serta turut berupaya mempengaruhi produk akhir terjemahan.

### **1.9.7 Penerbit**

Dalam kajian ini, penerbit tergolong sebagai penaung yang menjalankan atau menerbitkan kerja terjemahan. Penerbit juga tergolong sebagai institusi terjemahan kerana pengoperasiannya yang melaksanakan penterjemahan dan penerbitan karya terjemahan bagi keperluan dan kepentingan institusi. Selain itu, dalam menghasilkan karya terjemahan, penerbit juga bertindak sebagai komisioner yang melaksanakan

fungsi sebagai “*the key figure in the establishment of cross-cultural communication*” (Schulte, 1990: 2).

## **1.10 Organisasi kajian**

Kajian ini diuraikan dalam tujuh bab:

Bab 1 membincangkan latar belakang dan pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kerangka teori, kaedah kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi beberapa konsep asas yang mendasari kajian ini dan organisasi kajian.

Bab 2 mengupas perkembangan aliran belokan budaya oleh Bassnet dan Lefevere (1990) yang mendasari kajian ini. Kupasan tentang takrifan dan konsep naungan oleh Lefevere (1992) yang terdiri daripada komponen ideologi, ekonomi dan status turut dibincangkan diikuti dengan sorotan perkembangan institusi terjemahan oleh Mossop (1998), Koskinen (2008) dan Harding (2014). Sorotan kajian lepas terhadap aktiviti naungan dan institusi terjemahan turut dibincangkan.

Bab ini juga mengupas perihal sejarah terjemahan dan kerangka arkeologi terjemahan oleh Pym (1998) dan D’Hulst (2010) diikuti kajian lampau tentang sejarah terjemahan di Malaysia dari sebelum merdeka hingga tertubuhnya Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB). Kajian lepas berkaitan pendokumentasian karya terjemahan di Malaysia turut dibincangkan dalam bab ini. Penubuhan beberapa organisasi atau institusi penting terjemahan bermula dengan London Missionary Society (LMS), Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Diraja Johor, Methodist Publishing House (MPH), Pejabat Karang Mengarang (PKM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Oxford University Press (OUP) turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 3 pula membincangkan kerangka teori serta metodologi kajian yang memfokuskan kaedah kajian, sumber data yang merangkumi teks sumber dan teks terjemahan yang dikaji, dan cara data dikumpul dan dianalisis.

Bab 4 membincangkan penerbitan karya terjemahan ITBM dari tahun 1993 hingga 2018 yang dikelompokkan kepada lima kategori, iaitu sastera, umum, pendidikan; Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Malaysiana. Daripada kategori ini, maklumat lain dikumpulkan bagi mengupas maklumat penting berkaitan karya terjemahan seperti pembiayaan terjemahan, pihak-pihak yang terlibat dalam terjemahan, sebab terjemahan dilakukan serta fungsi karya terjemahan kepada khalayak.

Bab 5 pula memfokuskan faktor-faktor yang mempengaruhi penerbitan karya terjemahan ITBM dari tahun 1993 hingga 2018. Bab ini dimulakan dengan ulasan tentang fasa penerbitan ITBM dan faktor persekitaran yang dilihat mempengaruhi penerbitan karya terjemahan oleh ITBM. Faktor-faktor yang dikenal pasti terdiri daripada tiga yang utama, iaitu politik, ekonomi dan organisasi diikuti subfaktor lain.

Bab 6 seterusnya membincangkan pembabitan ITBM sebagai penaung dan penerbit karya terjemahan. Secara khusus, bab ini berfokus pada naungan ITBM terhadap penerbitan karya terjemahan menerusi tiga komponen utamanya, iaitu ideologi, ekonomi dan status. Bagi memberikan gambaran lengkap tentang cara elemen naungan mempengaruhi penerbitan karya terjemahan, fungsi dan tugas ITBM sebagai penerbit turut dibincangkan menerusi sebuah judul terjemahan ITBM, カンボンボーイ (TS: *Budak Kampung*).

Akhir sekali, Bab 7 ialah rumusan keseluruhan kajian

## **BAB 2**

### **SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini dicerakinkan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menganalisis sorotan kepustakaan yang merangkumi tiga subtopik, iaitu perbincangan tentang aliran belokan budaya dalam disiplin Pengajian Penterjemahan; takrifan dan sorotan kajian lepas yang berkait dengan cabang sejarah terjemahan, institusi terjemahan, naungan, dan faktor yang mendorong kewujudan naungan dalam aktiviti terjemahan. Sejarah penubuhan dan latar belakang ITBM turut dikupas dalam bab ini. Bahagian kedua bab ini khusus menghuraikan kerangka teori yang dimanfaatkan dalam kajian. Akhir sekali, bab ini merumuskan latar belakang dan kerangka kajian yang menjadi asas dalam kajian ini.

#### **2.2 Analisis sorotan kajian**

Secara umum, subtopik yang terdapat dalam bab ini membincangkan kajian penting pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Bagi mengelakkan perbincangan menjadi terlalu meluas dan tidak berfokus, setiap subtopik disusun mengikut tema kajian yang berkait antara satu sama lain, iaitu sejarah terjemahan, institusi terjemahan dan naungan. Subtopik dimulakan dengan perbincangan tentang aliran belokan budaya yang mula berkembang menjelang 1990-an.

Satu perubahan penting yang dibawa oleh aliran ini dalam disiplin terjemahan ialah penerokaan aktiviti terjemahan dalam ruang lingkup sosiobudaya, politik, ideologi dan kuasa. Penelitian terhadap sosiobudaya pada dasarnya memerlukan pengkaji membuat penyelidikan terhadap sejarah terjemahan. Oleh itu, sejarah

terjemahan dalam kajian ini menjadi penanda aras yang membolehkan pengkaji merekod segala maklumat termasuk jenis terjemahan, jaringan tenaga kerja serta fungsi terjemahan kepada khalayak serta kuasa atau elemen yang mempengaruhi proses dan produk terjemahan.

Sejakar dengan pendekatan berorientasikan penterjemah yang ditekankan dalam cabang sejarah terjemahan, sorotan kajian difokuskan kepada pihak yang melaksanakan terjemahan. Bersandarkan premis ini, perbincangan subtopik yang selanjutnya membincangkan pihak yang melaksanakan terjemahan, iaitu institusi ataupun penaung terjemahan. Analisis dan perbincangan terhadap institusi atau penaung terjemahan pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa misalnya di Jepun, China, Turki dan semenanjung Arab menunjukkan satu persamaan bahawa pelibatan institusi ini pada akhirnya mendorong kepada aktiviti naungan dalam penterjemahan, iaitu pihak ini membiayai peruntukan untuk kerja menterjemah. Sorotan terhadap kajian lepas juga menunjukkan setiap aktiviti naungan pada dasarnya digerakkan oleh keperluan terjemahan yang didorong oleh faktor politik, ekonomi dan ideologi oleh pihak terbabit.

Bersandarkan faktor pendorong yang dikemukakan, pengkaji kemudian membincangkan subtopik yang menyorot aktiviti terjemahan tanah air pada zaman pramerdeka dan pascamerdeka. Tujuan sorotan adalah bagi mendapatkan gambaran keseluruhan terhadap keperluan aktiviti terjemahan di Malaysia sehingga membawa kepada penubuhan sebuah institut terjemahan rasmi negara pada tahun 1993.

### **2.3 Kemunculan aliran belokan budaya dalam Pengajian Penterjemahan**

Menurut Snell-Hornby (1990), pada sekitar 1980-an, Pengajian Penterjemahan dilihat sebagai suatu sains multidisiplin lantaran sebahagian besar penyelidiknya

meminjam kerangka dan metodologi kajian daripada cabang disiplin psikologi, teori komunikasi, teori linguistik, antropologi, falsafah dan budaya (Naude, 2002). Kerangka teori dan metodologi ini kemudian disesuaikan serta dinilai semula dari masa ke masa agar selaras dengan keperluan penterjemahan sebagai satu disiplin yang lengkap dan berautonomi. Bidang penterjemahan seterusnya berkembang sebagai suatu disiplin ilmu apabila James Holmes (1972) mengemukakan sebuah kerangka teori sistematik yang kemudiannya dikembangkan oleh Toury dan dinamakan *Holmes-Toury Map* (1995).

Lewat 1980-an, banyak teori daripada disiplin sastera dan kemanusiaan diterapkan dalam Pengajian Penterjemahan (Jiang, et al., 2020). Istilah *cultural turn* merujuk anjakan yang berlaku dalam disiplin Pengajian Penterjemahan pada sekitar 1980-an apabila tumpuan kajian mula beralih kepada aspek budaya. Dalam hal ini, penterjemahan tidak lagi dilihat sebagai satu aktiviti linguistik yang dilakukan secara terpencil sebaliknya ialah sebuah produk yang berhasil akibat pengaruh budaya sesuatu masyarakat. Secara dasar, pengaruh elemen budaya dalam terjemahan berlaku apabila seseorang penterjemah menyesuaikan hasil kerjanya agar secocok dan diterima oleh persekitaran budaya tersebut (Lefevere, 1992).

Pada awalnya, pengaruh elemen budaya dalam terjemahan telah pun ditelitian terlebih dahulu oleh Even-Zohar dan Gideon Toury (1980) pada tahun 1980, iaitu dengan kemunculan teori polisistem dan norma terjemahan. Teori polisistem ini dikembangkan beliau daripada aliran formalisme Rusia yang melihat kesusteraan sebagai sebahagian daripada sistem budaya, sastera dan sejarah masyarakat sasaran (Munday, 2016). Oleh sebab itu, karya sastera tidak boleh diteliti secara terasing daripada ketiga-tiga elemen sosial tersebut.

Meskipun begitu, tumpuan khusus terhadap elemen budaya diketengahkan oleh Bassnett dan Lefevere (1990) buat kali pertama pada tahun 1990 dan hanya pada tahun 1998, kedua-duanya tampil memperincikan istilah ini secara khusus. Bassnett (1998) menyifatkan istilah “*cultural turn*” sebagai:

*A way of understanding how complex manipulative textual processes take place: how a text is selected for translation, for example, what role the translator plays in that selection, what role an editor, a publisher or patron plays, what criteria determine the strategies that will be by the translator, how a text might be received in the target system.* (hlm. 123-124)

Secara teori, *cultural turn* atau belokan budaya ialah pendekatan yang tidak hanya memberikan tumpuan kepada elemen linguistik tetapi turut mempertimbangkan faktor persekitaran dalam sesuatu budaya yang pada akhirnya mempengaruhi penghasilan teks terjemahan (Goh Sang Seong, 2020). Ringkasnya, perspektif terjemahan dalam belokan budaya adalah menjangkaui sempadan bahasa kerana wujudnya pengaruh sosiobudaya seperti kuasa dan ideologi. Kuasa dalam konteks ini ialah kawalan atau naungan yang dikenakan oleh pihak berautoriti seperti pemerintah atau kumpulan sosial tertentu dalam sesuatu masyarakat memandangkan terjemahan tidak terhasil dalam vakum. Oleh itu, aktiviti terjemahan dilakukan secara bertujuan di bawah kawalan atau faktor tertentu.

Seperti dikemukakan Lefevere (1992), sistem sastera dikawal oleh dua faktor utama. Pertama ialah golongan profesional seperti penterjemah yang berada di dalam sistem, dan kedua ialah elemen naungan seperti kuasa, individu atau institusi yang berada di luar lingkungan sistem tersebut. Pihak ini atau lebih tepatnya dirujuk sebagai penaung boleh terdiri daripada penerbit, institusi, parti politik, pertubuhan agama atau kumpulan media yang berpengaruh menyebar luas atau mengekang apa-apa aktiviti terjemahan. Respons penaung terhadap terjemahan sering didorong oleh idea, amalan

kepercayaan, norma mahupun ideologi yang berakar umbi daripada sejarah, tradisi, politik, bahasa dan agama (Dweik & Khaleel, 2017).

Terdapat tiga komponen utama dalam naungan, iaitu ideologi, ekonomi dan status. Komponen ideologi ialah pengaruh yang dikenakan oleh pihak berkepentingan seperti menentukan teks sumber, memilih penterjemah atau menentukan cara dan strategi dalam sesuatu terjemahan. Komponen ekonomi pula melibatkan upah, bayaran, royalti atau cukai yang dikenakan kepada penterjemah manakala komponen status adalah berkisar kepada kriteria berikut, iaitu prestij, autoriti, ganjaran, eksklusif dan kebolehpercayaan.

Dalam pada itu, penaung juga boleh dikategorikan sebagai tidak dibezakan (*undifferentiated*) atau dibezakan (*differentiated*). Penaung tidak dibezakan merujuk penaung yang berkuasa mutlak dalam mengawal ketiga-tiga komponen ideologi, ekonomi dan status seperti institusi terjemahan manakala penaung dibezakan pula adalah apabila komponen tersebut masing-masing tidak saling bergantungan. Setiap penaung ini pula memiliki puitika (*poetics*) tersendiri yang mempengaruhi cara sewajarnya sesebuah karya dihasilkan.

Selain pertimbangan kuasa, belokan budaya juga memberikan anjakan baharu terhadap status teks. Secara konvensional, keutamaan penterjemahan adalah berorientasikan teks sumber. Namun, dalam belokan budaya, status teks terjemahan adalah mustahak dalam budaya penerima dan sewajarnya diberikan lebih perhatian berbanding teks sumber. Keadaan ini sepadan dengan pendapat Even-Zohar (1980) bahawa naskhah terjemahan adalah sebahagian daripada sistem sosiobudaya; oleh itu strategi terjemahan perlu bergantung pada fungsi dan peran pentingnya teks terjemahan dalam budaya sasaran (Yan dan Huang, 2014).

## 2.4 Sejarah terjemahan: takrifan dan kajian lepas

Dari 1980-an lagi, para sarjana sukar memberikan takrifan yang tepat tentang istilah sejarah terjemahan meskipun pelbagai kajian tentang skop, objek kajian, pendekatan maupun metodologi dilakukan lantaran sifatnya yang rumit. Sejarah terjemahan menurut Anthony Pym (1998) ialah “*a set of discourses predinating the changes that have occurred or have actively been prevented in the field of translation*”. Dengan kata lain, sejarah terjemahan ialah satu wacana yang memerihalkan perubahan ataupun peristiwa yang mempengaruhi aktiviti terjemahan. Pym (1998) membahagikan sejarah terjemahan kepada tiga bahagian, iaitu arkeologi terjemahan, kritikan terjemahan, dan penerangan tentang fenomena terjemahan.

Sementara itu, Lieven D’hulst (2010) menyifatkan penyelidikan terhadap sejarah terjemahan mencakupi kedua-dua aktiviti proses dan fungsi, ataupun teori terjemahan, kritikan dan latihan. Takrifan beliau tentang sejarah terjemahan dilihat lebih terperinci apabila beliau secara kritis membezakan sejarah, historiografi dan metahistoriografi. Sejarah disifatkan D’hulst (2010: 397-398) sebagai, “*the proper sequence of facts, events, ideas, discourses*”, iaitu urutan fakta, idea atau wacana manakala historiografi ialah “*the history of the practices of history-writing*”, iaitu sejarah tentang amalan penulisan sejarah.

Metahistoriografi pula ialah “*the explicit reflection on the concepts and methods to write history and also on epistemological and methodological problems that are related to the use of these concepts and methods*”. Ringkasnya, metahistoriografi ialah konsep yang berkait dengan penulisan sejarah. Namun, Pym (1998) sebaliknya berpendapat:

*Translation history ('historiography' is a less pretty term for the same thing), is a set of discourse predinating the changes that have occurred or have actively been prevented in the field of translation. (hlm. 5)*

Beliau menegaskan bahawa elemen arkeologi terjemahan, kritikan sejarah dan penerangan itu sendiri adalah bersifat historiografi. Lantaran sifatnya yang antardisiplin, maka takrifan sejarah dalam disiplin ini adalah berbeza-beza.

Walaupun sejarah terjemahan ialah satu wacana yang memerihalkan perubahan ataupun peristiwa yang mempengaruhi aktiviti terjemahan, kajian terhadap sejarah terjemahan masih tercicir dalam disiplin terjemahan. Isu keciciran ini pernah disuarakan oleh Basnett (1980) seawal 1980-an. Beliau menegaskan bahawa bidang Pengajian Penterjemahan tidak boleh menjadi satu disiplin ilmu yang lengkap sekiranya keciciran ini masih berterusan. Hal ini disebabkan dalam mengembangkan teori terjemahan moden, tugas pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah menggali dan melengkapkan cabang ini (Berman, 1992).

Malangnya isu ini tetap berlarutan selepas dua dekad. D'hulst (2001) misalnya telah sekali lagi membangkitkan isu yang sama lantaran kajian terhadap cabang sejarah ini masih jauh ketinggalan berbanding dengan aspek terjemahan lain. Akibatnya, wujud lompong yang ketara dalam bidang ini (Santoyo, 2006) padahal aspek sejarah ialah kayu ukur yang merekodkan setiap aktiviti terjemahan, iaitu daripada jenis dan fungsi terjemahan, kuasa atau pengaruh yang dikenakan terhadap terjemahan sehingga kepada penerimaan teks terjemahan dalam budaya sasaran (Sagar, 2017).

Hanya beberapa tahun belakangan, kajian terhadap sejarah terjemahan mula menunjukkan perkembangan positif (Tryuk, 2022). Meskipun begitu, secara relatif, bilangan pengkaji dan jumlah kajian tentang sejarah terjemahan masih kecil. Dalam konteks Malaysia misalnya, kekurangan kajian terhadap sejarah terjemahan didorong oleh kecenderungan pengkaji tempatan terhadap kajian teorikal yang bersifat tekstual seperti kesetiaan teks atau kesepadan makna (Sharifah Fazliyatun dan Asrar Omar, 2016). Menyorot kajian lampau tentang sejarah terjemahan dalam disiplin Pengajian